

16 SEP 2002

Mahathir-Merdeka

KEJAYAAN PERTAHANKAN KEAMANAN HASIL KERJASAMA SEMUA, KATA MAHATHIR

PORT DICKSON, Sept 16 (Bernama) -- Kejayaan mempertahankan keamanan dan memelihara kestabilan politik negara adalah hasil kerjasama semua lapisan rakyat yang yakin dengan cara pemerintahan kerajaan hari ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata komitmen yang ditunjukkan oleh seluruh rakyat Malaysia mencerminkan betapa mereka mempunyai sikap taat setia dan cintakan negara yang tidak berbelah bagi.

"Kerajaan dapati sepanjang sebulan perayaan bulan kemerdekaan ke-45 diadakan, rakyat begitu ikhlas dalam melahirkan rasa penghargaan dan kesyukuran atas nikmat yang diperolehi mereka sebagai warga negara ini," katanya dalam buku cenderamata Majlis Penutupan Bulan Kemerdekaan Ke-45 di tapak pesta Kota Impian di sini.

Majlis itu disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail. Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid turut berangkat hadir.

Hadir sama Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad serta pemimpin kerajaan Persekutuan dan negeri.

Dr Mahathir berkata kibaran jalur gemilang dapat dilihat di seluruh pelusuk negara baik di bandar mahupun di desa.

"Semangat yang ditunjukkan ini membuktikan rakyat begitu perihatin dengan hal ehwal negara dan kerajaan yang memerintah.

"Semangat ini amat baik buat negara kerana rakyat jelas berasa bertanggungjawab dan mempunyai peranan dalam pembangunan dan kemajuan negara dalam mempertahankan kemerdekaan," katanya.

Beliau berkata sambutan perayaan sebegitu haruslah diteruskan sepanjang tahun bagi membolehkan generasi muda sedar akan sejarah negara yang pernah dijajah dan keperitan hidup rakyat di bawah penjajah asing serta menghargai perjuangan generasi terdahulu membebaskan negara.

Tema kemerdekaan "Keramu Malaysia" adalah tepat sekali bagi menggambarkan rasa terima kasih serta kesyukuran atas pelbagai nikmat yang dikecapi sepanjang 45 tahun negara merdeka, kata beliau lagi.

-- BERNAMA

APG AT ROS